

Headline **Lelaki HIV tak dijenguk keluarga di hospital**
Date **09 Jun 2011**
MediaTitle **Harian Metro (Johor)**
Section **News**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **30**
Article Size **115 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,473**
PRValue **7,419**



Lelaki HIV tak dijenguk keluarga di hospital

JOHOR BAHRU: Akibat disahkan menghidap HIV, seorang lelaki bukan saja dipinggir saudara-mara sejak lebih setahun lalu, malah ahli keluarganya tidak mengaku mempunyai pertalian darah dengannya hingga mengakibatkannya hilang tempat bergantung.

Pegawai Kerja Sosial Perubatan Hospital Sultanah Aminah (HSA), Fazrul Hisyam berkata, lelaki itu, Abidin Mohammad, 37, tidak dijenguk ahli keluarga mahu pun saudara-mara sejak dimasukkan ke hospital itu awal bulan lalu.

Beliau berkata, difahamkan, sebelum ini, lelaki itu pernah mendapatkan ihsan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di bandar raya itu termasuk menawarkannya tempat untuk berteduh dan bekalan makanan.

“Abidin dirawat di wad tibi kerana mengalami ulser mulut yang agak serius.

“Masalah kesihatan yang dihadapi itu mengakibatkan-nya tidak mampu bercakap hingga tidak dapat meny-



ABIDIN...disisih waris

lurkan maklumat sepenuhnya berkaitan ahli keluarganya,” katanya.

Fazrul berkata, difahamkan Abidin yang hidup membujang mempunyai kakak kandung yang tinggal di sekitar bandar raya ini, namun keluarga wanita itu turut menyisihkannya selepas lelaki itu disahkan menghidap HIV.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan keluarga Abidin diminta menghubungi talian 07-2257000 sambungan 4441/4442.